



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI EKONOMI**

**MELENGKAPKAN EKOSISTEM KETERJAMINAN MAKAN NEGARA :
MODEL BAHARU MEMPERLUASKAN (*SCALE-UP*) PELAKSANAAN
PROGRAM IPR-INTAN**

Program Usahawan Tani (INTAN) di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) adalah pendekatan pelbagai serampang yang diambil oleh Kementerian Ekonomi untuk menangani isu keselamatan dan keterjaminan makanan menggunakan kaedah pertanian moden di samping membasmi kemiskinan demi kemampanan masa depan negara.

Seperti yang telah diumumkan pada bulan yang lepas, kerajaan memutuskan untuk memperluaskan (*scale-up*) pelaksanaan Program IPR-INTAN dengan lebih cepat bertujuan meningkatkan keberkesanan usaha pembasmian kemiskinan dan menambah pendapatan rakyat. Usaha ini juga akan meningkatkan kemampanan bekalan makanan serta membantu usaha mengawal harga makanan di pasaran.

Model baharu pelaksanaan Program IPR-INTAN akan diperkenalkan dengan menjemput syarikat-syarikat swasta yang mempunyai kemahiran dan keupayaan untuk menjadi rakan strategik (melalui Request for Proposal – RFP), dan seterusnya bersama Kerajaan dan orang awam (golongan B40, miskin dan miskin tegar) untuk bersama-sama mengusahakan projek pengeluaran hasil pertanian di seluruh negara.

EMBARGO SEHINGGA 29 OGOS 2023, 2:00 PETANG

Projek pertanian yang boleh diusahakan adalah tanaman atau ternakan yang memberikan hasil dalam tempoh kurang daripada 2 tahun dan mempunyai potensi penggunaan teknologi (*modern farming*).

Kerajaan memperuntukkan RM100 juta bagi tahun 2023 untuk pelaksanaan projek IPR-INTAN secara RFP oleh syarikat swasta terpilih. Sebanyak tujuh Pihak Berkuasa Koridor (PBK) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) diberi tanggungjawab untuk mengeluarkan jemputan (RFP), membuat pemilihan, melantik dan memantau projek-projek IPR-INTAN ini berdasarkan perjanjian antara kedua-dua belah pihak.

Pengagihan peruntukan dana IPR-INTAN secara RFP kepada PBK dan PKEN adalah seperti berikut:

Agensi	Jumlah Penyaluran Dana	Anggaran Keluasan Tapak (Ekar)	Anggaran Bilangan Peserta (Orang)
ECERDC	RM20 juta	120	240
NCIA	RM20 juta	120	240
PKNS	RM20 juta	120	240
SEDIA	RM15 juta	90	180
RECODA	RM15 juta	90	180
ISKANDAR	RM5 juta	30	60
PKNNS	RM5 juta	30	60
Jumlah	RM100 juta	600 Ekar	1,200 Peserta

Pemilihan syarikat swasta bagi melaksanakan projek IPR-INTAN secara RFP akan dibuat berasaskan beberapa kriteria terutamanya pengalaman dalam projek pertanian, reputasi yang baik dalam industri, struktur pengurusan yang baik dan kemampuan kewangan yang kukuh.

Syarikat swasta yang berminat perlu mengemukakan cadangan projek merangkumi sekurang-kurangnya tiga komponen utama seperti berikut:

1. cadangan projek termasuk skop, kaedah pelaksanaan, unjuran pengeluaran, unjuran pendapatan peserta, tempoh pusingan tuaian, purata harga jualan ladang (*ex-farm price*) dan pemasaran hasil;
2. cadangan kos penyediaan infrastruktur, latihan peserta dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan; dan
3. pelan jangka panjang peserta dan projek seperti tempoh penempatan peserta di tapak projek, mekanisme pertukaran peserta, pelan peningkatan peserta/ projek (*scale-up*) dan klausa keluar (*exit clause*).

Pelaksanaan projek IPR-INTAN secara RFP boleh dilaksanakan sama ada di atas tanah Kerajaan (Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri/ Badan Berkanun Persekutuan/ Badan Berkanun Negeri) atau tanah milik persendirian.

Bagi projek di tanah milik Kerajaan; Kerajaan akan membiayai sepenuhnya kos pelaksanaan projek termasuk kos operasi untuk pusingan pertama tanaman/ ternakan yang diusahakan.

Bagi projek di tanah milik persendirian, Kerajaan akan membiayai melalui geran padanan (*matching grant*) secara imbuhan balik (*reimbursable*) pada kadar 50:50 (Kerajaan : Syarikat) berdasarkan jenis perbelanjaan yang layak. Had pembiayaan adalah RM5 juta bagi setiap permohonan (anggaran luas kawasan 40 ekar) dan tidak melebihi RM25 juta bagi setiap syarikat.

EMBARGO SEHINGGA 29 OGOS 2023, 2:00 PETANG

Tuntutan imbuhan semula dibuat selepas syarikat menyelesaikan keseluruhan projek. Antara skop pembiayaan termasuk infrastruktur asas projek, infrastruktur projek pertanian dan kos operasi musim pertama.

Bagi tanah milik Kerajaan, tempoh kebenaran minima penggunaan tanah adalah 5 tahun, sementara bagi tanah milik persendirian, tempoh kebenaran minima penggunaan tanah adalah 10 tahun dan mempunyai klausa pelanjutan untuk tempoh seterusnya (clauses for automatic renewal land lease). Tanah tersebut juga perlu berada dalam keadaan sesuai/ sedia digunakan bagi mengelakkan sebahagian besar kos projek digunakan bagi memperbaiki tanah/ kawasan berkenaan (free from encumbrances).

Syarikat swasta terpilih perlu melatih peserta yang terpilih dalam aspek teknikal, keusahawanan, pengurusan projek, pengurusan kewangan dan motivasi. Setiap peserta akan disediakan kontrak pekerjaan bagi memastikan hak pihak-pihak berkaitan jelas dan dilindungi. Dokumen kontrak akan turut meliputi perkara berkaitan perkongsian lebihan keuntungan (excess profit-sharing) sekiranya harga jualan hasil pertanian lebih tinggi daripada anggaran asal. Setiap peserta akan menerima jaminan menerima pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan.

ECERDC dan NCIA dijadual akan menerbitkan dokumen RFP bagi syarikat - syarikat swasta untuk beberapa lokasi projek pada pertengahan bulan September 2023 dan pelantikan syarikat yang dipilih dapat dibuat sebelum November 2023.

Maklumat lanjut berkenaan RPF bagi pihak individu yang berminat, dan juga bagi PBK dan PKEN yang lain akan diumumkan dalam tempoh yang terdekat.

RAFIZI RAMLI
29 OGOS 2023